

Rujukan Kami (Our Ref) :UMP.02.01/10.12/2/1 (15)

01 Julai 2016

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 6 TAHUN 2016:
PELEPASAN KHAS DARIPADA BERTUGAS PADA 08 JULAI 2016
KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Ump Bil 6 Tahun 2016: Pelepasan Khas Daripada Bertugas Pada 08 Julai 2016 kepada Staf Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 6 TAHUN 2016

PELEPASAN KHAS DARIPADA BERTUGAS PADA 08 JULAI 2016

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk **menerima pakai** Surat Edaran: JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (11) oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung keputusan Kerajaan untuk memberi pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016.

LATAR BELAKANG

- 2.0 LPU telah memutuskan untuk memberikan Pelepasan Khas Daripada Bertugas pada 08 Julai 2016 kepada semua staf di Universiti Malaysia Pahang selaras dengan cuti Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2016 yang dijangkakan jatuh pada 06 Julai 2016.

PELAKSANAAN

- 3.0 Staf UMP akan diberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 08 Julai 2016 (Jumaat) **sekiranya** Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 06 Julai 2016 (Rabu).
- 4.0 Walau apa pun peruntukkan di perkara 3.0, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Univeristi ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan demi kepentingan perkhidmatan di Universiti, adalah diarahkan untuk bertugas mengikut jadual tugas yang telah ditetapkan dan layak untuk menerima segala kemudahan berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di UMP.
- 5.0 Walau bagaimanapun, sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 05 Julai 2016, pelepasan khas ini adalah tidak terpakai.
- 6.0 Ianya hanya terpakai pada tahun ini sahaja dan tidak boleh dijadikan (*precedent*) bagi apa-apa tujuan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 01 Julai 2016

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)